| | | |
|---|---|---|
| Media Title | : | Utusan Borneo (Sabah) |
| Headline | : | Majlis Ramah Mesra eratkan KRT Pekan Manggatal dan KRT Taman Perumahan Layang Layangan |
| Date | : | 19 April 2022 |
| Page | : | 3 |

# Majlis Ramah Mesra eratkan KRT Pekan Manggatal dan KRT Taman Perumahan Layang Layangan



ALBUM: AJK KRT Pekan Manggatal dan KRT Taman Perumahan Layangan bergambar kenangan.

**LABUAN:** Seramai 15 orang Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Pekan Manggatal mengadakan lawatan ramah mesra ke Wilayah Persekutuan Labuan selama tiga hari untuk melaksana beberapa program baru-baru ini.

Salah satu pengisiannya ialah Program Malam Mesra bersama KRT Taman Perumahan Layang Layangan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), WP Labuan.

Tujuan utama program ini ialah untuk mengeratkan silaturahim KRT Tanah Besar Sabah dengan KRT di W.P Labuan.

Turut hadir Penolong Pengarah JPNIN WP Labuan, Suriani Yussop, Pengerusi KRT Pekan Manggatal, Josep Chong dan Pengerusi KRT Taman Perumahan Layangan, Mazidi Rosli.

Suriani berkata, program seperti ini sangat dialu-alukan untuk KRT bertukar-tukar pendapat dan mengenal erti perpaduan.

"JPNIN amat mengalu-alukan program yang menjurus ke arah pemantapan perpaduan kaum.

"Pada masa sama, penduduk tempatan boleh mempromosikan produk pelancongan kepada rakan mereka," katanya.

Pada program itu juga, KRT Taman Perumahan Layangan menyediakan makanan tradisi etnik Kedayan iaitu Bubur Banging untuk dinikmati tetamu dan warga KRT yang hadir.